



KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM

## **SIARAN MEDIA**

### **SABAH TUAN RUMAH HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2026 SELEPAS 23 TAHUN, KEMENTERIAN SALUR RM30.6 JUTA UNTUK KONSERVASI HUTAN NEGERI**

---

Majlis penutupan Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2026 telah dirasmikan dengan jayanya pada hari ini, menutup tirai program yang telah berlangsung selama tiga hari bermula 22 Mei lalu.

Menurut Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Dato' Sri Arthur Joseph Kurup dalam ucapan perasmian penutup, sambutan ini melakar sejarah tersendiri kerana kali terakhir Sabah dipilih sebagai tuan rumah adalah pada 23 tahun yang lalu iaitu pada tahun 2003.

Katanya, pemilihan zon pedalaman di Parlimen Pensiangan sebagai lokasi penganjuran adalah amat bertepatan dan relevan, memandangkan 80 peratus daripada kawasan tersebut diliputi oleh kawasan hutan.

“Sabah secara keseluruhannya merupakan "paru-paru hijau" penyumbang terbesar kepada kelestarian alam negara dengan liputan hutan sebanyak 62.53 peratus, serta diiktiraf sebagai wilayah karbon negatif yang menyerap pelepasan gas rumah hijau (GHG) lebih banyak daripada yang dilepaskan.

“Dalam usaha untuk memperkasakan lagi pemeliharaan alam sekitar di wilayah ini, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) pada tahun ini telah menyalurkan dana sebanyak RM30.6 juta kepada Kerajaan Negeri Sabah. Peruntukan bagi tujuan meningkatkan usaha konservasi ini merupakan penyaluran yang paling tinggi diberikan oleh Kementerian jika dibandingkan dengan negeri dan wilayah-wilayah lain di seluruh negara,” ujarnya.

Tambah beliau, Kementerian turut menekankan keperluan untuk mengubah persepsi lama masyarakat yang sering menganggap hutan sebagai penghalang kepada pembangunan moden. Sebaliknya, hutan harus diangkat sebagai sumber penjana ekonomi baharu negara. Selain daripada hasil ubat-ubatan tradisional, pertanian, dan ekopelancongan, kredit karbon kini telah dikenal pasti sebagai sumber pendapatan baharu yang amat berpotensi.

“Melalui inisiatif kredit karbon, kerajaan berhasrat untuk memastikan hasil dan pendapatan yang dijana akan dikembalikan kepada masyarakat, terutamanya di kawasan luar bandar, bagi membina daya tahan masyarakat terhadap kesan perubahan iklim global.

“Selain menyemai kesedaran penjagaan alam sekitar, penganjuran acara berskala besar ini di Pekan Sook juga telah terbukti berjaya merangsang dan memangkin ekonomi tempatan. Ia secara langsung telah membuka ruang dan peluang ekonomi yang meluas kepada golongan belia, beliawanis, serta para usahawan tempatan di kawasan berkenaan,” ujarnya.

Majlis penutupan yang dianjurkan dengan kerjasama mantap Jabatan Perhutanan Sabah ini turut diserikan dengan kehadiran Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Datuk Dr. Johari bin Abdul, Ketua Konservator Hutan Sabah, Datuk Zulkifli, serta wakil daripada Malaysia Forest Fund (MFF).

Tegas Arthur, Kementerian kekal dengan komitmen teguh bahawa pembangunan komuniti boleh direalisasikan secara harmoni tanpa menjejaskan khazanah alam semula jadi. Seperti mana yang digariskan pada kemuncak majlis penutupan, "Hutan dan ekonomi kita berpisah tiada, dan menjadi tanggungjawab kita untuk menjaganya bersama buat selama-lamanya".

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)**  
**24 MEI 2026**

